

09 JUL 1997

MAHATHIR TETAMU KEHORMAT PERARAKAN HARI KEBANGSAAN PERANCIS

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kini berada di Eropah kerana bercuti selama dua bulan, akan menjadi tetamu kehormat pada perarakan Hari Kebangsaan Perancis di Paris Isnin ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, status kehormat itu adalah sebagai penghormatan kerajaan Perancis kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir akan ke Paris Ahad ini dan akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Jacques Chirac di Elysees Presidential Palace. Beliau juga akan berbincang dengan Perdana Menteri Perancis Lionel Jospin.

Perancis menyambut hari kebangsaan pada 14 Julai.

Kali terakhir Dr Mahathir bertemu Chirac ialah pada November tahun lepas selepas Malaysia melancarkan satelit MEASAT 2 di French Guiana.--BERNAMA

AU MS MAI